

## → KESIHATAN

ISU VAKSIN

# Ibu bapa abai imunisasi anak boleh dihukum

→ Keengganan keluarga jadi punca jangkitan penyakit merebak

BH  
1/7/16  
MIS 34

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

Ibu bapa yang enggan memberi suntikan vaksin dan imunisasi kepada anak mereka hingga boleh membahayakan kesihatan kanak-kanak lain boleh dihukum mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) kerana menganiaya kanak-kanak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam berkata, keengganan ibu bapa memberi suntikan itu menjadi punca merebaknya jangkitan penyakit yang mengancam nyawa kanak-kanak dan ia boleh disifatkan sebagai

satu penganiayaan kepada kanak-kanak.

“Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001 menyatakan mana-mana orang yang menganiaya kanak-kanak melakukan satu kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau dipenjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

### Syor ikut saranan

“Justeru, kementerian menasihatkan ibu bapa yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan kanak-kanak supaya mengikut saranan Kementerian Kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan kanak-kanak berada dalam keadaan baik,” katanya.

Sejak kebelakangan ini, berlaku fenomena ibu bapa di negara ini

yang enggan memberi suntikan vaksin dan imunisasi kepada anak mereka, sehingga timbul semula wabak seperti difteria dalam kalangan kanak-kanak, yang menyebabkan lima kematian setakat ini, serta meningkatnya wabak demam campak.

### Warta rang undang-undang

Kementerian menyatakan, Akta Kanak-Kanak 2001 sudah dipinda melalui Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 dan diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, masing-masing pada 6 April dan 4 Mei lalu.

“Rang undang-undang itu kini dalam proses untuk diwartakan dan dikuatkuasa untuk meningkatkan hukuman bagi Seksyen 31 berkenaan,” katanya.

Fakta  
nombor

13 KES

difteria di seluruh negara sehingga 30 Jun 2016

873 KES

demam campak sehingga minggu pertama Jun 2016

5 KEMATIAN

dilaporkan setakat ini akibat jangkitan difteria dalam kalangan kanak-kanak